**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR**
**BILANGAN 5/1967**
**=================================================================**

**PUNGUTAN CUKAI TUNGGAKAN ATAS TANAH YANG BERPEGANG DENGAN 'APPROVED APPLICATION' DAN RAMPASANNYA KERANA TIDAK MENJELASKAN HUTANG-HUTANG ITU**

---

Adalah difahamkan bahawa ada Pemungut Hasil Tanah yang tidak menuntut cukai tanah tunggak dari tanah 'Approved Application' kerana dianggapnya A.A. itu terkecuali dari pengertian dari pengertian Seksyen 97(1) Kanun Tanah Negara.

2. Keraguan ini tidak perlu timbul kerana kuasa untuk menuntut cukai-cukai terhutang itu ada dijelaskan dalam Aturan 19, Aturan-Aturan Tanah Selangor 1966, yang mana Pemungut Hasil Tanah boleh mengeluarkan notis-notis di bawah Seksyen 97(1) dan seterusnya untuk merampas tanah tersebut di bawah Seksyen 100 kalau hutang tidak dijelaskan.

3. Cara tuntutan dan tindakan merampasnya hendaklah dibuat sebagai tanah bergeran yang telah dibutirkan dalam Pekeliling Pesuruhjaya Tanah 9Negeri-negeri Tanah Melayu) Bil.1/1967.

T.T
**(JOHAN BIN MOHD. YASSIN)**
PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR

Pejabat Pesuruhjaya Tanah dan Galian,
Selangor,
Kuala Lumpur.

Tarikh : 4 Oktober, 1967